

Piagam Pelanggan JABATAN

- 1) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor tidak kurang 3 kali setahun.
- 2) Memproses pewartaan fatwa dari mula menerima isu hingga di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam tempoh tidak lebih enam bulan.
- 3) Penyebaran dan penjelasan kepada orang awam mengenai fatwa yang telah diputuskan dalam masa dua minggu selepas diwartakan.
- 4) Menjawab pertanyaan atau aduan pelanggan mengenai isu-isu semasa yang berkaitan dengan hukum syara' dalam tempoh tujuh hari bekerja.
- 5) Melaporkan kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja mengenai awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah secepat mungkin untuk pengisytiharan.
- 6) Melaksanakan pengesahan arah kiblat dalam tempoh dua minggu bekerja selepas permohonan diterima.
- 7) Menguruskan bil-bil perolehan, Perkhidmatan dan lain-lain mengenai kewangan dalam masa satu minggu.

SENARAI MUFTI-MUFTI Negeri Selangor



**Sheikul Islam
Raja Mahmud Zohdi
bin Tengku Abdul Rahman**

Tahun Berkhidmat :
1935 - 1952



**Sahibus Samahah
Dato' Haji Yusof
Bin Sahabuddin
Dato' Seri Utama DiRaja
Mufti Negeri Selangor**

Tahun Berkhidmat :
1953 - 1968



**Sahibus Samahah
Dato' Haji Ghazali
bin Haji Abdullah
Dato' Seri Utama DiRaja
Mufti Negeri Selangor**

Tahun Berkhidmat :
1968 - 1973



**Sahibus Samahah
Dato' Haji Md. Salleh
bin Hassan Farid
Dato' Seri Utama DiRaja
Mufti Negeri Selangor**

Tahun Berkhidmat :
1974 - 1976



**Sahibus Samahah
Dato' Haji Hassan
bin Haji Omar
Dato' Seri Utama DiRaja
Mufti Negeri Selangor**

Tahun Berkhidmat :
1976 - 1985



**Sahibus Samahah
Dato' Haji Ishak bin
Haji Baharom
Dato' Seri Utama DiRaja
Mufti Negeri Selangor**

Tahun Berkhidmat :
1985 - 1997




**Sahibus Samahah
Dato' Setia Haji Mohd Tamyas
bin Abd Wahid
Dato' Seri Utama DiRaja
Mufti Negeri Selangor**

Tahun Berkhidmat :
1998 - kini



Pengenalan Ringkas JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Tingkat 7 & 8, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5514 3738 Faks: 03-5519 7584

E-mail: mufti_sel@selangor.gov.my

Web: www.muftiselangor.gov.my

Sejarah

PENUBUHAN JABATAN

Jabatan Mufti Negeri Selangor pada peringkat awal kewujudannya merupakan salah satu bahagian yang terdapat di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ia dikenali sebagai Bahagian Fatwa. Ketika itu Jawatan Mufti belum diwujudkan lagi tetapi dikenali sebagai Sheikul Islam.

Jawatan Sheikul Islam di Negeri Selangor telah disandang oleh Raja Mahmud Zohdi bin Tengku Abdul Rahman. Beliau mula berkhidmat pada tahun 1935 hingga tahun 1952. Jawatan Mufti mula diwujudkan pada tahun 1953. Tuan Haji Yusuf bin Sahabuddin merupakan Mufti Kerajaan Negeri Selangor yang pertama. Beliau berkhidmat sehingga tahun 1968. Pada pertengahan tahun 1968, Dato' Hj. Ghazali bin Hj. Abdullah dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri hingga tahun 1973. Kemudian Dato' Hj. Md Salleh bin Hassan Farid dilantik sebagai Mufti pada tahun 1974. Beliau berkhidmat selama dua tahun. Dato' Hj. Hassan bin Hj. Omar dilantik sebagai Mufti yang keempat pada tahun 1976 hingga 1985. Dato' Hj. Ishak bin Hj. Baharom dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Selangor menggantikan Dato' Hj. Hassan pada Julai 1985 hingga November 1997. Beliau berkhidmat selama 12 tahun. Mufti keenam Dato' Seri Utama Diraja Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid dilantik pada 16 Mac 1998 dan masih berkhidmat hingga kini.

Sebelum tahun 1985, hanya terdapat dua orang kakitangan sahaja yang berkhidmat di Jabatan Mufti iaitu Mufti dan seorang pemandu. Segala urusan pentadbiran dan kewangan di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam Selangor. Jawatan Timbalan Mufti diwujudkan pada tahun 1991. Jawatan ini diwujudkan bagi membantu Mufti dalam menjalankan tugas mengenai Hal Ehwal Islam sesuai dengan perkembangan semasa. Timbalan Mufti yang pertama ialah Tuan Hj. Jamaluddin bin Hj. Omar. Beliau berkhidmat sehingga Disember 1997. SS Dato' Hj. Abdul Majid bin Omar merupakan Timbalan Mufti yang kedua. Beliau dilantik pada 2hb Januari 1998 dan masih berkhidmat hingga kini.

Namun pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling mengenai pengasingan Bahagian Fatwa daripada Jabatan-Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia termasuk Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, proses pengasingan tidak dapat dilakukan dengan serta merta kerana masih kekurangan kakitangan. Oleh itu, Bahagian Fatwa masih lagi bergantung kepada Jabatan Agama Islam Selangor dari segi pentadbiran dan kewangan.

Tanggal 22hb. Februari 1999 dengan ehsan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Mufti telah berpindah ke ruang pejabat yang baru di Tingkat 4, Podium Selatan, Bangunan S.S.A.A.S. Maka tertubuhlah Jabatan Mufti Negeri Selangor yang kini diberi tanggungjawab untuk mengeluarkan fatwa dan menangani lain-lain masalah yang berkaitan dengan Agama Islam.

Misi & Visi

JABATAN

Misi

Untuk menjadikan Jabatan Mufti Negeri Selangor sebagai jabatan terbaik, jabatan contoh dan disegani serta mendapat keredhaan Allah.

Visi

Untuk melahirkan masyarakat Islam yang maju, berjaya, progresif, dinamik dan diredhai Allah berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah selaras dengan visi Selangor Maju 2005.

Objektif

JABATAN

- 1) Memberi nasihat dan panduan kepada Sultan, Kerajaan Negeri dan masyarakat berkaitan hukum-hukum Islam dan permasalahan umat Islam yang menyentuh soal Fatwa, terutamanya yang melibatkan isu semasa.
- 2) Bekerjasama dengan pihak JAKIM dan Jabatan Mufti Negeri-Negeri lain dalam penyelarasan Fatwa.
- 3) Bekerjasama dengan JAIS berkaitan kegiatan dakwah, khutbah Jumaat, pencerapan hilal dan lain-lain.

Fungsi

JABATAN

- 1) Membantu dan menasihati DYMM Sultan Selangor dan Kerajaan Negeri dalam perkara-perkara yang menyentuh persoalan Fatwa, Hal Ehwal Agama Islam dan isu-isu semasa.
- 2) Membuat penyelidikan terhadap isu-isu baru yang memerlukan kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.
- 3) Memberi maklumat yang sistematik berkaitan dengan segala masalah yang berhubung tentang fatwa.
- 4) Mengeluarkan garis panduan bagi mengatasi segala perbezaan pendapat yang timbul dalam perkara-perkara khilafiah.
- 5) Mengurus dan mengendalikan persidangan, seminar, bengkel dan segala mesyuarat yang berkaitan.
- 6) Mencerap hilal Islam bulanan termasuk Ramadhan/Syawal/Zulhijjah.
- 7) Melakukan penetapan arah kiblat, mengatur takwim hijri/waktu solat